

PM kepada perancang, arkitek, ahli sosio-ekonomi...

PERMINKAN SIRASI ANGSAAN

■ Bandar haruslah menjadi manifestasi kekayaan material dan kerohanian masyarakat dan menjadi lambang keperibadian nasional sesuatu bangsa ■

■ Dengan adanya Dayabumi, negara ini tidak lagi terkong-kong dengan Barat dari segi senibinanya. Kita tidak mahu Kuala Lumpur menjadi bandar yang tidak ada peribadi sendiri ■

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perancang bandar, arkitek, pemuja perumahan dan ahli-ahli sosio-ekonomi perlu berganding bahu dan menggembelingkan tenaga mencipta rekabentuk bangunan dan persekitaran sesuatu bandar agar mencerminkan aspirasi kebangsaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata bandar adalah antara alat penting pencapaian matlamat negara.

"Bandar yang kita mahukan ialah bandar yang menyediakan peluang bagi perkembangan dan pertumbuhan rakyat berbilang kaum dalam bidang ekonomi, lebih-lebih lagi bagi golongan yang mundur," kata beliau.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, bandar juga haruslah boleh menyediakan pelbagai kemudahan yang sesuai dan selaras dengan perkembangan keperibadian individu yang diinginkan.

Kemudahan-kemudahan rekreasi, kawasan-kawasan lapang dan bermacam kemudahan lagi yang dapat memenuhi keperluan berbagai golongan dan lapisan masyarakat, tambahnya, haruslah menjadi ciri-ciri bandar.

Perdana Menteri menggariskan faedah pembandaran ini, sewaktu meletakkan batu asas projek Dayabumi Fasa 2 berharga \$370 juta.

Bandar, jelas beliau, haruslah menjadi manifestasi kekayaan material dan kerohanian masyarakat dan menjadi lambang keperibadian nasional sesuatu bangsa.

Perdana Menteri membidas ahli-ahli profesional kerana terlalu konservatif dan orthodox serta enggan menerima cara-cara baru.

Apa bila disyorkan jika pembinaan sesuatu bangunan dikurangkan sehingga separuh, terangnya, rekais pertama mereka ialah tidak mungkin.

Bagaimanapun, beliau sukacita kerana projek Dayabumi akan mencipta rekod — disiapkan dalam waktu yang ditetapkan — dan membuka babak baru dalam sejarah pembinaan bangunan di negara ini.

Projek yang 30 bulan akan siap itu meliputi Blok Menara 30 tingkat, Blok perdagangan, tempat letak kereta, pembinaan jalan, jambatan dan jambatan serta pemasangan semua kemudahan-kemudahan Keretapi Tanah Melayu. Perdana Menteri

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

berharap, dengan adanya Dayabumi, negara ini tidak lagi terkong-kong dengan Barat dari segi senibinanya. Dayabumi adalah projek yang besar artinya pada negara. Seluruh negara akan memerhatikannya.

Pembangunan dalam jangka masa yang ditentukan akan menjadi petanda bahawa pemerintah, pegawai, pekerja, pemorong dan pembekal yang profesional dan bukan profesional dari rakyat Malaysia boleh mengubah sikap dan membangun semangat baru yang akan menjadi asas pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata, projek Dayabumi, selain menjadi satu alat untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, mempunyai unsur-unsur kebudayaan negara dalam jenis bangunan moden. "Kita tidak mahu Kuala Lumpur menjadi bandar yang tidak ada peribadi sendiri. Tetapi, sebaliknya, menjadi bandar biasa yang terdapat di mana-mana saja."

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, bandar seharusnya mempelopori dan menjadi contoh, antara lain, tentang kebersihan.


"Kalau boleh, apabila dibuat suatu petempatan bandar, ia menggariskan tentang kebersihannya, tentang penghuninya yang mesra, berdisiplin dan ciri-ciri lain yang bahagia," tambahnya.

Ini bermakna, bandar seharusnya mencerminkan dan melambangkan suasana yang tenteram, sejahtera dan selamat.

Alam persekitaran yang tidak segar dan tidak teratur bukan sahaja melemahkan daya pengeluaran masyarakat, tetapi juga bahu menambatkan lagi penyakit sosial seperti jenayah, penyalahgunaan dadah, kebebasan yang boleh meruntuhkan moral dan sebagainya.



KEPEJALAN batu-batu besar ini melemahkan kejituan semangat Malaysia untuk terus membangun, maju dan tampli setaraf dengan negara-negara maju di dunia.



batu asas bagi projek Dayabumi, projek pembangunan bandar terbesar di Malaysia, di upacara ringkas di Kuala Lumpur semalam.

Foto kiri: Satu ruang yang dipahat khas di atas batu pejal itu untuk diisi beberapa rangkaian dokumen termasuk mikrofilm, buku cenderamata, kad jempolan, akta Perbadanan

Pembangunan Bandar (UDA) dan nama sidang jemahannya, foto-foto berkaitan dengan UDA dan berbagai jenis kertas Malaysia.

Foto kanan: Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri menutup ruang tersebut dengan papan tanda khas sempena hari meletakkan batu asas. — Foto — Berita Minggu oleh YUSOF OMAR.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia